



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PEGUAM NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

PENULARAN KANDUNGAN BERKAITAN KANAK-KANAK MELIBATKAN KES ZARA QAIRINA DI PLATFORM MEDIA SOSIAL

Jabatan ini memandang serius tindakan segelintir pihak yang secara tidak bertanggungjawab telah memuat naik dan menyebarkan maklumat yang belum ditentukan kesahihannya, termasuklah gambar kanak-kanak yang dikaitkan dengan kes Zara Qairina menerusi pelbagai platform media sosial.

Sehubungan itu, Jabatan ini menyeru orang ramai agar menghentikan segera perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut. Tindakan menyebarkan maklumat yang belum ditentukan kesahihannya dan gambar kanak-kanak yang dikaitkan dengan siasatan pihak berkuasa di media sosial boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat. Penularan kandungan itu berpotensi menjejaskan kelancaran serta keberkesanan proses siasatan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

JABATAN PEGUAM NEGARA

6 OGOS 2025